

**Jangan Bermimpi Jadikan Wan Azizah PM Wanita Pertama - Zahid
Bernama
22 Mac, 2014**

KAJANG, 22 Mac (Bernama) -- Naib Presiden Umno Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini menyarankan Pakatan Rakyat agar tidak terus berangan-angan untuk mengangkat Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail sebagai Perdana Menteri wanita pertama di negara ini.

Mengulas kenyataan Penasihat DAP Lim Kit Siang semalam bahawa Pakatan Rakyat mahu melantik Dr Wan Azizah sebagai perdana menteri sekiranya pakatan itu menang pada pilihan raya umum ke-14, Ahmad Zahid secara sinis berkata: "Jangan ada orang bermimpi pada waktu siang."

Beliau berkata demikian selepas majlis Sejenak Bersama Warga Polis dan Perkep di Ibu Pejabat Polis Daerah Kajang di sini hari ini. Hadir sama Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Dalam Negeri menyifatkan pengundi di Dewan Undangan Negeri Kajang yang dahagakan pembangunan cenderung untuk memilih calon BN Datin Paduka Chew Mei Fun sebagai wakil rakyat mereka pada pilihan raya kecil kawasan itu esok.

"Sokongan terhadap Chew sangat positif. Mereka ingin melihat perubahan memandangkan wakil rakyat sebelum ini tidak menunaikan janji-janji seperti yang terkandung dalam manifesto," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1023995>